

Tahap Kemahiran Guru Bahasa Arab Sekolah Integrasi Rendah Agama JAWI dalam Penyediaan dan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Nina Nazliana Zolkapli ¹, Siti Suhaila Ihwani ² dan Abdul Basit Abdur Rahim Nasution ³

^{1,2} Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia

³ Fakulti Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Transformasi pendidikan masa kini menggalakkan dan menuntut para pendidik untuk mengintegrasikan teknologi digital secara meluas semasa mengajar dalam bilik darjah. Namun, kemahiran pengaplikasian Bahan Bantu Mengajar (BBM) digital dalam kalangan guru Bahasa Arab didapati masih kurang optimum berbanding penggunaan bahan bantu konvensional. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap kemahiran guru terhadap penyediaan dan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bagi mata pelajaran Bahasa Arab di Sekolah Integrasi Rendah Agama Jawi (SIRAJ). Dalam kajian ini pengkaji memfokuskan untuk menganalisis tahap kemahiran guru terhadap penyediaan dan penggunaan BBM dalam PdPc bagi mata pelajaran Bahasa Arab di SIRAJ. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang melibatkan 53 orang guru yang mengajar bahasa Arab dari 5 buah SIRAJ. Instrumen kajian dibina sendiri oleh pengkaji dengan telah mendapat pengesahan pakar dan rintis dilakukan dengan bacaan nilai Alpha Cronbach tinggi iaitu 0.94. Data dianalisis menggunakan IBM *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 30.0 dan dilaporkan dalam bentuk statistik deskriptif berbentuk kekerapan, peratusan dan min. Hasil utama kajian ini mendapati bahawa Tahap Kemahiran Guru berkaitan BBM berada pada tahap Tinggi dengan bacaan nilai skor min M= 3.95. Keseluruhan kajian ini menunjukkan tahap kemahiran guru berkaitan BBM dalam mengajar mata pelajaran Bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi.

SEJARAH ARTIKEL

Peroleh 29 Januari 2026
Semakan 12 Mac 2026
Terima 14 April 2026
Online First 27 April 2026
Published 01 June 2026

KATA KUNCI

Tahap Kemahiran, Penyediaan
BBM, Penggunaan BBM,
Bahasa Arab, SIRAJ

Arabic Language Teacher's Skill Level in The Preparation and Use of Teaching Aids in Sekolah Integrasi Rendah Agama JAWI

ABSTRACT

Current educational transformation encourages and demands educators to extensively integrate digital technology during classroom teaching. However, the application skills of digital Teaching Aids (BBM) among Arabic language teachers are still found to be suboptimal compared to the use of conventional teaching aids. Therefore, this study aims to analyze the level skills of teachers in the preparation and using Teaching Aids (BBM) in learning and facilitation (PdPc) for the Arabic language subject at Sekolah Integrasi Rendah Agama Jawi (JAWI). In this study, the researcher focuses on analyzing the level of teacher's skills in the preparation and use of BBM in PdPc for the Arabic language subject at SIRAJ. This study is a survey study involving 53 teachers who teach Arabic language from 5 SIRAJ schools. The study instrument was developed by the researcher. The data was analyzed using IBM Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 30.0 and reported in the form of descriptive statistics that are frequency, percentage and mean. The main result of this study found that the level of teacher's skills related to BBM is at High level with a mean value reading $M=3.95$. The overall study shows that the level of teacher's skills related to BBM in teaching the Arabic language subject is at a high level.

ARTICLE HISTORY

Received 29 January 2026

Revised 12 March 2026

Accepted 14 April 2026

Online First 27 April 2026

Published 01 June 2026

KEYWORDS

Skill level, BBM

preparation, use of BBM,

Arabic Language, SIRAJ

1. Pengenalan

Pendidikan di peringkat sekolah rendah merangkumi pelbagai mata pelajaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan salah satunya adalah mata pelajaran Bahasa Arab. Mata pelajaran ini kini tidak terhad diajar di institusi pendidikan agama sahaja, malah ia semakin meluas termasuk di sekolah kebangsaan. Keadaan ini jelas mencerminkan penekanan negara terhadap pembentukan masyarakat yang memiliki ilmu agama (Zaini et al., 2019; Che Mat et al., 2023). Dengan menguasai Bahasa Arab, individu dapat memperoleh pemahaman asas tentang kalimah-kalimah yang terkandung dalam sumber rujukan utama iaitu al-Quran (Nasir et al., 2024). Sehubungan itu, guru Bahasa Arab mempunyai tanggungjawab untuk mengadaptasi pelbagai strategi demi memastikan murid menguasai topik yang diajarkan. Salah satu strategi Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang diiktiraf berkesan adalah melalui aplikasi Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang mana penggunaannya digalakkan dalam semua mata pelajaran.

Penyelidikan oleh Mat Razali et al. (2017) telah menegaskan bahawa sesi PdPc tidak seharusnya terbatas kepada kaedah konvensional seperti buku teks, kapur tulis, dan papan hitam semata-mata, tetapi perlu menjangkau batasan tersebut. Selain itu, penggunaan teknologi juga dapat menarik minat murid terhadap mata pelajaran Bahasa Arab dan menjadikan sesi pengajaran lebih interaktif. Oleh itu, guru-guru perlu meningkatkan usaha untuk mempelajari teknologi, memperkayakan pengetahuan dan kemahiran, serta bersikap kreatif dan proaktif dalam menyediakan BBM yang bersesuaian dengan mata pelajaran Bahasa Arab. Walau bagaimanapun, tinjauan literatur mendapati bahawa majoriti kajian lepas berkaitan kemahiran penggunaan BBM lebih tertumpu kepada guru-guru di sekolah arus perdana. Kajian spesifik yang memfokuskan kepada institusi pendidikan agama berkonsepkan integrasi, khususnya di Sekolah Integrasi Rendah Agama Jawi (SIRAJ) di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), didapati masih sangat terhad. Kekurangan data dalam konteks ini mewujudkan satu jurang kajian yang perlu diisi bagi menilai tahap kemahiran sebenar pendidik di institusi tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap kemahiran guru mata pelajaran Bahasa Arab di Sekolah Integrasi Rendah Agama Jawi (SIRAJ) terhadap penggunaan BBM.

2. Sorotan Literatur

Bahasa Arab adalah antara bahasa utama dunia yang memiliki kedudukan istimewa dalam kalangan umat Islam. Ianya bukan sekadar bahasa komunikasi di negara-negara Arab, bahkan ianya merupakan bahasa ilmu, ibadah dan warisan peradaban Islam (Mohamad Rofian et al., 2024). Dalam membentuk keperibadian, sahsiah dan nilai diri yang baik, penguasaan Bahasa Arab memainkan peranan penting dalam melahirkan individu yang berakhlak tinggi serta berintegriti. Namun begitu, ini tidak bermakna bahasa asing lain tidak mempunyai kepentingan. Sebaliknya, keseimbangan dalam penguasaan bahasa Arab dan bahasa lain dapat memberikan kelebihan dalam menghadapi dunia global (Kamaruddin et al., 2025). Oleh yang demikian, pendidik pada masa kini dilihat perlu mempunyai kemahiran dalam mengajar Bahasa Arab (Nor Syazwani et al., 2024). Hal ini adalah kerana kemahiran guru dalam mengajar mata pelajaran bahasa Arab dapat dikaitkan dengan kemahiran guru dalam penyediaan dan penggunaan BBM yang bersesuaian.

Menurut Muhammad Fahrudin Nur et al, (2025), penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam pengajaran Bahasa Arab mempunyai kaitan rapat dengan falsafah konstruktivisme. Menurut pandangan Piaget, pengetahuan tidak diperoleh secara pasif, sebaliknya dibina secara aktif oleh individu melalui proses penemuan sendiri dan interaksi dengan persekitaran. Dalam konteks ini, pengetahuan bukanlah sesuatu yang hanya diterima, tetapi dibentuk berdasarkan pengalaman dan refleksi murid terhadap bahan yang digunakan. Sehubungan itu, guru berperanan sebagai fasilitator yang menyediakan ruang eksplorasi, manakala BBM berfungsi sebagai medium yang membolehkan murid membentuk dan menghasilkan maklumat berdasarkan pemahaman sedia ada mereka.

Dalam konteks sekolah rendah (seperti SIRAJ), penggunaan BBM berasaskan objek sebenar atau gambar adalah sangat penting kerana perkembangan kognitif murid pada tahap ini masih bergantung kepada perkara-perkara yang memerlukan bukti yang dapat dilihat dan diterima oleh akal mereka. Teori ini menekankan bahawa pemahaman terhadap struktur bahasa hanya akan tercapai sekiranya tahap intelektual murid berkembang selari dengan bahan yang didedahkan. Sebagai contoh, penggunaan gambar yang dilabelkan dengan kosa kata Arab membolehkan murid mengaitkan istilah abstrak dengan objek fizikal, sekali gus memperkukuh proses penerimaan serta pemprosesan maklumat baharu. Tanpa penglibatan aktif melalui aktiviti yang melibatkan penghayatan dan interaksi sosial, pembelajaran Bahasa Arab akan menjadi pasif dan kurang bermakna, yang akhirnya menyukarkan penguasaan bahasa kedua dalam kehidupan seharian.

Penggunaan BBM adalah salah satu cara untuk menarik lagi minat murid untuk belajar dan ini adalah dikira sebagai penggunaan pendekatan berkesan. PdPc bagi mata pelajaran Bahasa Arab seharusnya tidak dianggap sebagai satu proses pembelajaran yang sukar atau membosankan sehingga membebankan dan mengelirukan murid dan juga guru. Sebagai mata pelajaran wajib di peringkat sekolah rendah, ia perlu disampaikan secara menarik dan menyeronokkan agar dapat mewujudkan pengalaman pembelajaran yang positif serta merangsang minat murid untuk lebih tekun mempelajarinya (Mohamad et al., 2024; Harun & Rosdi, 2023; UTHM, 2025).

2.1. Tahap Kemahiran Guru

Kemahiran guru terhadap penyediaan dan penggunaan BBM merujuk kepada kemahiran teknikal dan pedagogi yang dimiliki oleh seorang guru dalam menjadikan proses PdPc disampaikan secara pelbagai. Pengendalian BBM bergantung kepada kepakaran atau kemahiran guru dalam menggunakan bahan tersebut. Tahap kesediaan guru dalam melaksanakan sesuatu BBM akan terjejas jika guru kurang mahir dan kurang pengetahuan yang mencukupi (Ja'apar, 2017; Magesvaran dan Urgatini, 2021). Menurut Samad (2018), keupayaan dan kemampuan guru dalam melaksanakan BBM dan menangani cabaran-cabaran tugas yang berkaitan dengannya memerlukan pengetahuan dan kemahiran guru untuk membuat justifikasi. Oleh yang demikian, memiliki kemahiran yang tinggi merupakan salah satu aspek yang terpenting dalam menjayakan proses PdPc yang berkesan.

Guru hendaklah memiliki Kemahiran dalam menyediakan dan menghasilkan sesuatu BBM mengikut kesesuaian tajuk pelajaran khususnya dalam mata pelajaran bahasa Arab. Antara kemahiran teknikal yang perlu dikuasai oleh guru adalah kemahiran menghasilkan BBM seperti kad imbas, video pembelajaran dan alat digital (Rahman et al., 2018). Dalam era moden yang pesat dengan penggunaan teknologi kini, guru hendaklah berupaya menggunakan teknologi

seperti PowerPoint dalam menghasilkan video atau isi pelajaran, Canva untuk menghasilkan isi pembelajaran yang lebih menarik dan berwarna-warni atau aplikasi mudah alih seperti penyediaan kuiz di akhir pembelajaran menggunakan aplikasi Kahoot! sebagai contoh yang mana semakin ramai para guru menggunakan aplikasi ini dalam PdPc mereka.

Walau bagaimanapun, proses mengintegrasikan teknologi digital dalam bilik darjah bukanlah sesuatu yang mudah dan tanpa cabaran. Prosesnya juga turut melalui cabaran tersendiri di mana pendidik sering berhadapan dengan kekangan teknikal dan pengurusan masa yang memberi kesan kepada tahap kesediaan mereka. Menurut Nuraimi & Fariza (2017), antara penghalang utama pengaplikasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) adalah kekangan masa bagi guru untuk menyediakan bahan pengajaran serta merancang aktiviti yang menggunakan teknologi di samping perlu menghabiskan silibus yang telah ditetapkan. Di institusi pendidikan agama, beban tugas guru yang dihujani pelbagai komitmen seperti pengurusan program tahunan keagamaan dan kem Bestari Solat menuntut masa yang besar, sekali gus mengehadkan peluang guru untuk meneroka alat digital yang lebih kompleks. Fenomena ini diperkukuhkan oleh dapatan Nur Adibah Liyana dan Hafizhah (2021) yang menyatakan bahawa aspek kekangan masa dan kekurangan pemahaman konsep menyebabkan aplikasi pembelajaran abad ke-21 (PAK21) masih berada pada tahap yang perlu ditingkatkan, yang akhirnya boleh mendorong guru kembali kepada kaedah tradisional yang dianggap lebih menjimatkan masa.

Peningkatan kemahiran komunikasi bahasa Arab dapat ditingkatkan dengan penggunaan teknologi terkini terutama bagi penggunaan audio yang boleh didapati dari buku teks serta dari internet seperti aplikasi Youtube. Penggunaan bahan bantu mengajar seperti gambar, kad imbas, komputer, LCD serta iPad dengan aktiviti yang bersesuaian dengan tajuk dan tahap murid dapat membantu murid berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik serta dapat mengelakkan murid daripada berasa bosan. (Mohamad Razif et al., 2024). Ahmad Shafiq Mat Razali et al. (2017) dalam satu kajian tinjauan terhadap 427 guru Bahasa Arab menunjukkan bahawa guru menilai kemahiran mereka terhadap penggunaan BBM pada tahap yang tinggi (Min = 4.01), dan penilaian terhadap elemen penyediaan bahan juga berada pada tahap tinggi (Min = 3.82). Skor tinggi ini menunjukkan kesedaran dan penerimaan yang positif terhadap keberkesanan BBM. Akan tetapi, hanya 55% guru menunjukkan kemahiran tinggi dalam penggunaan BBM digital. kebanyakan guru lebih cenderung menggunakan BBM tradisional (80%) berbanding BBM digital seperti video dan animasi (40%).

Penguasaan kemahiran dalam penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang bersifat inovatif dan terkini, seperti gamifikasi, telah dibuktikan mempunyai kesan yang ketara terhadap hasil pembelajaran. Mohamad dan Salleh (2024), dalam tinjauan literatur mereka, menegaskan bahawa apabila guru mengaplikasikan BBM berasaskan gamifikasi, ia berupaya meningkatkan motivasi murid sehingga 30% dan sekaligus menaikkan prestasi akademik mereka sebanyak 25%. Oleh yang demikian, kecekapan guru dalam memanfaatkan teknologi ini adalah penting untuk mengoptimalkan proses PdPc dan pencapaian murid selain meningkatkan usaha untuk mempelajari teknologi, memperkayakan pengetahuan, serta bersikap kreatif dan proaktif dalam menyediakan BBM yang bersesuaian dengan mata pelajaran Bahasa Arab. Dengan demikian, proses PdPc akan menjadi lebih memberangsangkan, meningkatkan kepuasan guru dan keterlibatan murid. (Mohamad et al., 2024).

Walau bagaimanapun, tinjauan literatur mendapati kebanyakan kajian lepas lebih tertumpu kepada sekolah kebangsaan dan sekolah menengah arus perdana. Masih wujud kelompondan kajian (*research gap*) mengenai isu penguasaan dan kemahiran penyediaan BBM secara khusus di Sekolah Integrasi Rendah Agama Jawi (SIRAJ). Sebagai sebuah institusi yang menggabungkan kurikulum perdana dan agama, guru-guru di SIRAJ berkemungkinan berdepan dengan cabaran berbeza seperti kekangan masa, bebanan silibus integrasi, dan kemudahan infrastruktur yang mempengaruhi tahap kemahiran mereka dalam menyediakan BBM, khususnya yang berasaskan digital. Oleh hal yang demikian, satu kajian khusus di peringkat SIRAJ amat perlu untuk dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap penguasaan sebenar guru Bahasa Arab dalam BBM digital terutamanya sekaligus merungkai isu spesifik di sekolah tersebut agar intervensi yang bersesuaian dapat dirangka dan masalah yang dihadapi dapat diselesaikan.

3. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan (Creswell, 2014). Pemilihan sampel dilakukan secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang melibatkan seramai 53 orang guru Bahasa Arab di Sekolah Integrasi Rendah Agama Jawi (SIRAJ). Menurut Etikan et al. (2016), kaedah persampelan bertujuan ini dipilih kerana responden mempunyai ciri-ciri dan pengetahuan khusus yang amat bertepatan dengan objektif kajian iaitu mereka mempunyai pendedahan serta pengalaman langsung mengajar mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah ini.

Instrumen utama kajian adalah borang soal selidik yang mengandungi 25 item secara keseluruhannya. Soal selidik ini menggunakan skala Likert 5 mata, yang bermula daripada 1 (Sangat Tidak Mahir) hingga 5 (Sangat Mahir). Sebelum diedarkan, kesahan instrumen ini telah disemak oleh pakar rujuk dalam bidang pendidikan bahasa. Bagi mengukur tahap kebolehpercayaan instrumen, satu kajian rintis telah dijalankan terhadap 30 orang responden di salah sebuah SIRAJ di Putrajaya. Hasil ujian rintis menunjukkan nilai Alpha Cronbach keseluruhan adalah sangat memuaskan, iaitu 0.904, melepasi nilai ambang minimum 0.70 yang diterima pakai dalam penyelidikan sains sosial (Hair et al., 2010).

Bagi prosedur pengumpulan data, pengkaji telah mendapatkan kelulusan rasmi daripada pihak JAWI dan pentadbiran sekolah yang terlibat sebelum kajian dijalankan. Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden secara dalam talian melalui aplikasi Whatsapp menggunakan pautan Google Form. Tempoh kutipan data telah dijalankan selama lebih kurang 2 minggu bermula dari 10 Januari 2025. Responden telah dimaklumkan bahawa penglibatan mereka adalah secara sukarela dan segala data yang diperoleh dirahsiakan untuk kegunaan akademik sahaja.

Data yang dikumpul kemudiannya dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai. Bagi menentukan tahap kemahiran guru dalam penggunaan BBM, kajian ini mengadaptasi skala interpretasi min yang dibahagikan kepada tiga tahap. Skor min antara 1.00 hingga 2.33 diinterpretasikan sebagai tahap rendah, skor 2.34 hingga 3.67 mewakili tahap sederhana, manakala skor 3.68 hingga 5.00 menunjukkan tahap kemahiran yang tinggi (*Psychometric Theory, 3rd edn*, 1994(Nunnally & Bernstein, 1994).

4. Dapatan Kajian

4.1. Analisis Deskriptif

Data di analisis menggunakan IBM *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 30.0. Kajian ini melibatkan seramai 53 orang guru yang mengajar dan pernah mengajar mata pelajaran Bahasa Arab di Sekolah Integrasi Rendah Agama Jawi (SIRAJ) dari lima buah sekolah. Dalam bahagian ini, latar belakang demografi sampel kajian iaitu umur, jantina, pendidikan, tempat dan tahun yang diajar di sekolah akan ditunjukkan dalam bentuk jadual dan dihuraikan dengan lebih terperinci bagi setiap satunya kecuali tempat mengajar kerana ianya adalah data sulit. Berdasarkan Jadual 1, taburan data sampel kajian seramai 53 orang mengikut umur menunjukkan responden yang berumur antara 18 hingga 24 tahun adalah seramai seorang (1.9%), berumur antara 25 hingga 34 seramai 20 orang (37.7%), berumur antara 35 hingga 44 tahun seramai 15 orang (28.3%) dan responden yang berumur 45 tahun ke atas adalah seramai 17 orang (32.1%). Profil demografi responden adalah seperti berikut:

Jadual 1: Umur

Demografi	Item	Kekerapan	Peratus (%)
Umur	18-24	1	1.9%
	25-34	20	37.7%
	35-44	15	28.3%
	45 tahun ke atas	17	32.1%

Jadual seterusnya akan menunjukkan taburan data responden dari segi jantina. Dapatan kajian menunjukkan responden dari kalangan guru lelaki adalah seramai 14 orang (26.4%) manakala responden dari kalangan guru perempuan pula adalah seramai 39 orang (73.6%).

Jadual 2: Jantina

Demografi	Item	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	14	26.4%
	Perempuan	39	73.6%

Jadual seterusnya pula akan menunjukkan taburan data responden berdasarkan tahap pendidikan mereka. Dapatan kajian menunjukkan responden yang memiliki Diploma adalah seramai 29 orang (54.7%), responden yang memiliki Ijazah pula adalah seramai 22 (41.5%) dan selain daripada itu seperti Ijazah Sarjana seramai 2 orang (3.8%).

Jadual 3: Taraf Pendidikan

Demografi	Item	Kekerapan	Peratus (%)
Taraf Pendidikan	Diploma	29	54.7%
	Ijazah	22	41.5%
	Other	2	3.8%

Jadual 4 adalah merupakan dapatan kajian yang terakhir untuk bahagian demografi yang mana dalam bahagian ini adalah berkaitan tahun yang di ajar dalam kalangan responden. Responden yang mengajar Tahun 1 adalah seramai 9 orang (17.0%), responden yang mengajar Tahun 2 seramai 10 orang (18.9%), responden yang mengajar Tahun 3 adalah 11 orang (20.8%), yang mengajar Tahun 4 adalah seramai 9 orang (17.0%), bagi Tahun 5 responden adalah seramai 8 orang (15.1%) dan responden yang mengajar Tahun 6 adalah seramai 6 orang (11.3%).

Jadual 4: Tahun

Demografi	Item	Kekerapan	Peratus (%)
Tahun	1	9	17.0%
	2	10	18.9%
	3	11	20.8%
	4	9	17.0%
	5	8	15.1%
	6	6	11.3%

4.2. Tahap Kemahiran Guru Bahasa Arab Terhadap BBM

Bagaimana tahap kemahiran guru dalam menghasilkan dan menggunakan BBM?

Persoalan ini dijawab melalui dapatan yang diperoleh melalui analisis deskriptif yang meliputi peratusan, kekerapan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menjawab persoalan di atas. Secara keseluruhannya, tahap kemahiran guru-guru SIRAJ dalam menghasilkan dan menyediakan serta menggunakan BBM berada pada tahap tinggi dengan bacaan skor min (Min= 3.95; SP= 0.51). Dapatan ini secara keseluruhan menunjukkan bahawa guru-guru SIRAJ mempunyai kemahiran yang baik dalam menyediakan dan menggunakan BBM dalam PdPc ketika mengajar mata pelajaran Bahasa Arab. Dapatan ini diperincikan dengan melihat skor min bagi setiap item dalam setiap konstruk.

Bagi item TK1, guru mahir menyediakan BBM dalam mengajar mata pelajaran Bahasa Arab dengan skor min pada tahap tinggi (Min= 3.81; SP= 0.76) dengan taburan peratusan sangat mahir (15.1%), mahir (54.7%), neutral (28.3%)

dan sangat tidak mahir (1.9%). Bagi item TK2, guru dapat mengintegrasikan BBM Digital seperti video atau aplikasi interaktif dalam pengajaran mereka dengan skor min pada tahap sederhana (Min= 3.62; SP= 0.81) dengan taburan peratusan sangat mahir (13.2%), mahir (43.4%), neutral (35.8%) dan tidak mahir (7.5%). Bagi item TK3, guru mahir menggunakan pelbagai jenis bahan Mawjud mengikut kesesuaian tajuk pembelajaran dengan skor min pada tahap tinggi (Min= 4.06; SP= 0.63) dengan taburan peratusan sangat mahir (20.8%), mahir (66.0%), neutral (11.3%) dan tidak mahir (1.9%). Bagi item TK4, guru mahir menggunakan kad manila, kertas mahjung dan kertas warna dengan skor min pada tahap tinggi (Min= 4.11; SP= 0.70) dengan taburan peratusan sangat mahir (30.2%), mahir (50.9%) dan neutral (18.9%). Bagi item TK5, guru mahir menggunakan BBM secara efektif untuk menjelaskan konsep yang sukar difahami oleh murid dengan skor min pada tahap tinggi (Min= 4.06; SP= 0.63) dengan taburan peratusan sangat mahir (20.8%), mahir (66.0%), neutral (11.3%) dan tidak mahir (1.9%). Bagi item TK6, guru mampu menyesuaikan BBM sedia ada untuk memenuhi keperluan murid dengan pelbagai tahap pembelajaran dengan skor min pada tahap tinggi (Min=4.02; SP= 0.60) dengan taburan peratusan sangat setuju (18.9%, setuju (64.2%) dan neutral (17.0%).

Jadual 5: Peratusan (Kekerapan), Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Kemahiran Guru

Kod	Item	Peratusan (Kekerapan) N=53					Min dan Sisihan Piawai	
		STM	TM	NT	M	SM	Min	SP
TK1	Saya mahir menyediakan BBM dalam mengajar mata pelajaran Bahasa Arab.	1 (1.9%)	0	15 (28.3%)	29 (54.7%)	8 (15.1%)	3.81	0.76
TK2	Saya dapat mengintegrasikan BBM Digital seperti video atau aplikasi interaktif dalam pengajaran saya.	0	4 (7.5%)	19 (35.8%)	23 (43.4%)	7 (13.2%)	3.62	0.81
TK3	Saya mahir menggunakan pelbagai jenis bahan Mawjud mengikut kesesuaian tajuk pembelajaran.	0	1 (1.9%)	6 (11.3%)	35 (66.0%)	11 (20.8%)	4.06	0.63
TK4	Saya mahir menggunakan Kad manila, kertas mahjung dan kertas warna untuk membuat BBM.	0	0	10 (18.9%)	27 (50.9%)	16 (30.2%)	4.11	0.70
TK5	Saya mahir menggunakan BBM secara efektif untuk menjelaskan konsep yang sukar difahami oleh murid.	0	1 (1.9%)	6 (11.3%)	35 (66.0%)	11 (20.8%)	4.06	0.63
TK6	Saya mampu menyesuaikan BBM sedia ada untuk memenuhi keperluan murid dengan pelbagai tahap pembelajaran.	0	0	9 (17.0%)	34 (64.2%)	10 (18.9%)	4.02	0.60

5. Perbincangan

Hasil analisis deskriptif terhadap tahap kemahiran guru dalam menyediakan dan menghasilkan Bahan Bahan Mengajar (BBM) menunjukkan item TK4 mencatatkan nilai skor min tertinggi (Min = 4.11). Keadaan ini memperlihatkan kecenderungan guru yang amat mahir mengaplikasikan bahan konvensional seperti kad manila, kertas mahjung, dan kertas warna bagi menghasilkan bahan bantu mengajar yang menarik. Dapatan ini menunjukkan bahawa amalan pedagogi guru masih cenderung kepada pendekatan konvensional, yang mencerminkan budaya pengajaran sedia ada di institusi SIRAJ yang lebih menekankan kesediaan bahan fizikal berbanding integrasi teknologi digital. Perkara ini disokong oleh Kamarul Azmi et al. (2011) yang menjelaskan bahawa penggunaan BBM tradisional sememangnya telah berakar umbi dan diamalkan secara meluas oleh barisan pendidik yang cemerlang sejak sebelum wujudnya letusan teknologi pendidikan. Pendekatan visual fizikal ini terbukti masih relevan dan efektif dalam menterjemahkan konsep-konsep abstrak kepada gambaran yang lebih tersurat, lantas berjaya memfokuskan tumpuan murid terhadap topik yang dibincangkan (Ismail & Abdullah, 2018).

Tahap kemahiran praktikal ini turut didokong oleh dapatan bagi item TK3 dan TK5 yang masing-masing berkongsi nilai skor min yang tinggi (Min = 4.06). Hasil dapatan membuktikan bahawa pendidik di institusi ini mempunyai kecekapan yang tinggi dalam memanipulasi bahan maujud (seperti daun kering, pasir, dan tanah) serta berupaya menggunakannya secara efektif bagi merungkai konsep yang sukar difahami oleh murid mengikut kesesuaian topik pengajaran Bahasa Arab. Selain itu, keupayaan guru mengadaptasi kelengkapan fizikal ini diperkukuhkan lagi melalui skor item TK6 (Min = 4.02), yang mengesahkan bahawa guru sentiasa mempersiapkan diri dengan menyesuaikan BBM sedia ada bagi menyantuni kepelbagaian tahap kognitif murid. Tahap persediaan asas yang rapi ini juga dibuktikan menerusi dapatan item TK1 (Min = 3.81) yang menunjukkan kemahiran umum guru dalam menyediakan bahan pengajaran Bahasa Arab berada pada tahap memuaskan.

Walau bagaimanapun, kelompangan mula dikesan apabila analisis menilai aspek pengintegrasian teknologi. Item TK2 yang menyentuh keupayaan guru mengintegrasikan BBM digital seperti tayangan video atau aplikasi interaktif sekadar mencatatkan skor terendah pada tahap sederhana (Min = 3.62). Secara keseluruhannya, situasi ini merumuskan bahawa kualiti kemahiran penyediaan bahan mengajar di SIRAJ adalah cemerlang dari sudut fizikal, namun agak tertinggal dari segi kelancaran aplikasi digital. Dapatan ini selari dengan kajian Geoffrey et al. (2024) yang menunjukkan bahawa kekangan kemahiran teknikal dan kelemahan latihan menyumbang kepada kemerosotan penggunaan bahan digital dan mengehadkan keupayaan penerapan elemen kreatif dalam pedagogi bahasa.

Tambahan pula, kajian oleh Semeri (2018) turut mengukuhkan hujah ini dengan menegaskan bahawa kekurangan motivasi untuk memanipulasi aplikasi digital sering berakar umbi daripada batasan kepakaran serta kekangan masa persediaan oleh guru, bukannya semata-mata kerana faktor luaran. Oleh yang demikian, pendedahan berterusan terhadap aplikasi interaktif amat kritikal memandangkan penguasaan BBM digital berpotensi memberikan lonjakan impak yang besar terhadap peningkatan kualiti Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc), di samping memastikan keterlibatan murid kekal aktif dalam suasana pembelajaran yang lebih kontemporari dan menyeronokkan (Sulaiman, 2020).

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan gambaran jelas mengenai tahap Kemahiran guru bahasa Arab dalam menyediakan dan mengaplikasikan BBM di sekolah-sekolah SIRAJ. Walaupun pendidik menyedari betapa pentingnya BBM mewujudkan proses pembelajaran yang menarik, interaktif, dan berkesan, serta meningkatkan minat dan kefahaman murid terhadap bahasa Arab, hasil kajian menunjukkan bahawa kemahiran guru dalam mengaplikasikan BBM masih belum mencapai tahap yang optimum walaupun Kemahiran menyediakan BBM berada pada tahap tinggi. Jurang utama dikenal pasti berpunca daripada kekurangan latihan kemahiran teknikal, kecekapan dalam menyesuaikan BBM yang sesuai, dan cabaran masa untuk menghasilkan bahan yang kreatif. Justeru, bagi menjamin kualiti pengajaran Bahasa Arab di SIRAJ, sokongan yang disasarkan adalah kritikal. Hal ini termasuklah program pembangunan profesional yang komprehensif untuk memperkasa kemahiran guru dalam menyediakan dan

mengintegrasikan pelbagai jenis BBM, terutamanya yang berasaskan teknologi digital. Peningkatan kemahiran ini adalah kunci untuk memastikan keberkesanan PdPc dan pencapaian bermutu tinggi.

Perisytiharan (Declarations)

Penghargaan

Tiada.

Kepentingan Persaingan (Competing Interests)

Tiada.

Kelulusan Etika

Kajian ini telah dilaksanakan dengan mematuhi sepenuhnya piawaian etika penyelidikan bagi melindungi hak dan kerahsiaan semua peserta sepanjang proses kajian kaedah campuran dijalankan. Kelulusan rasmi telah diperoleh daripada pihak institusi, manakala semua peserta telah dimaklumkan tentang tujuan dan skop kajian. Penyertaan mereka adalah secara sukarela dan berdasarkan persetujuan termaklum. Semua data soal selidik dan transkrip temu bual telah dikendalikan secara sulit serta digunakan semata-mata untuk tujuan akademik. Selain itu, privasi semua individu yang terlibat telah dipelihara melalui proses penyamaran identiti dan penyimpanan data yang selamat.

Sumbangan Pengarang

Pengarang 1: Konseptualisasi, pembangunan perisian, kurasi data, analisis formal, penyiasatan, visualisasi, metodologi, penulisan draf asal, serta semakan dan penyuntingan manuskrip.

Pengarang 2: Penyeliaan, pengesahan metodologi, semakan kesahan instrumen, interpretasi dapatan kajian, serta semakan dan penambahbaikan manuskrip.

Pengarang 3: Pengumpulan data, pengurusan data lapangan, sokongan dalam analisis data, penyediaan bahan visual, serta semakan akhir manuskrip.

Rujukan

- Awil, N. A. L., & Zulkifli, H. (2021). Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Abad ke-21. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(1), 40-54.
- Che Mat, A., Abdul Rahman, S. A., Awang, A., & Ramli, N. A. (2023). Amalan bahasa Arab di sekolah rendah pada tahap satu. *Borneo Akademika*, 7(2), 1-12. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/89614/>
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1-4. **Pautan:** <https://doi.org/10.11648/j.ajtas.20160501.11>
- Geoffrey, T., Ahmad, R., & Lim, S. (2024). Perbezaan dan Hubungan antara Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru dalam Penggunaan Teknologi Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 14(2), 45-60. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/download/384/256>
- Harun, H., & Mohd Rosdi, M. N. (2023). Penggunaan kaedah inovasi Sambung dan Baca Bahasa Arab (SaBBAr) dalam meningkatkan kemahiran membaca perkataan bahasa Arab murid. *Afaq Lughawiyah*, 1(2), 295–309.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis* (7th ed.). Pearson.
- Ismail, H., & Abdullah, R. (2018). Keberkesanan Penggunaan Alat Bantu Visual dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah. *Jurnal Linguistik dan Pendidikan*, 7(3), 88-104.
- Ja'apar, F. (2017). *Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) daerah Pontian* (Tesis Sarjana). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/9573/1/FAIZAH_JA%E2%80%99APAR.pdf
- Jabatan Komunikasi Korporat UTHM. (2025, 9 Julai). Pembelajaran kreatif tarik minat si cilik dalam bahasa Arab. *UTHM News*. <https://news.uthm.edu.my/ms/2025/07/pembelajaran-kreatif-tarik-minat-si-cilik-dalami-bahasa-arab/>

- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Illias, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 59-74.
- Kamis, N., & Khalid, F. (2017). Kekangan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Prasekolah. *Simposium Pendidikan di Peribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRIN2017)*, 212-217.
- Khadijah Kamaruddin, Marina Abu Bakar, & Nurul Izzatie Aziz (2025). Cabaran dan Strategi Penguasaan Bahasa Arab dalam Program Diploma Pengajian Islam. *International Journal of Educational Research on Andragogy and Pedagogy (IJEPC)*, 10(57), 801–823. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.1057052>
- Magesvaran, P., & Urgatini, R. (2021). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah: Satu Tinjauan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(2), 123–134. <https://ejournal.ukm.my/jpend/article/view/2021>
- Mat Razali, A. S., Husaini, M. H., Mohd Pisol, M. I., Mat Saad, D. U., Mohd Hairon, S., Hussin, N. H., & Md Daud, M. K. (2017). Kemahiran dan Penyediaan Bahan Guru Bahasa Arab Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar: Skills and Preparation of Arabic Language Teacher Against Usage Teaching Aids. *The Sultan Alaaddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 4(2), 120–126. <https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/download/114/96/196>
- Mohamad, M. A., & Salleh, N. H. M. (2024). Kajian literatur keberkesanan penggunaan gamifikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 6(22), 588–602.
- Mohamad Razif, N. H., & Md Taib, M. J. (2024). Penerokaan elemen bahan bantu mengajar yang menyokong peningkatan kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Setiu, Terengganu. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(1), 106–115.
- Mohamad Zamal, N. S., Sehat, S., Nabila, R., & Mat Yusoff, M. A. (2024). Persepsi tentang Keperluan dan Kepentingan Bahasa Arab dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak. *Jurnal Kesidang*, 9(1), 56–63.
- Muhammad Fahrudin Nur, Rahmania Auriel Zaeni, Danial Hilmi, & Abdul Basid. (2025). Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua Pada Siswa Dalam Aplikasi Teori Konstruktivisme. *Tadris: Jurnal Penelitian dan Pemikiran Pendidikan Islam*, 13(1), 66-95.
- Nasir, M. S., Amiruddin, A. Z., Osman, N., & Mohd Noor, S. S. (2024). Pembelajaran Bahasa Arab oleh Pelajar Bukan Muslim Menerusi Penggunaan Transliterasi Arab-Rumi/ Learning Arabic by Non-Muslim Students Through the Use of Arabic-Roman Transliteration. *UMRAN - Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 11(1), 79–99. <https://doi.org/10.11113/umran2024.11n1.653>
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Rahman, A. A., Hashim, N. H., & Yusof, N. (2018). Kemahiran Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor Semasa Latihan Mengajar. *Jurnal Pendidikan*, 3(2), 45-56. <https://surl.li/xiamna>
- Samad, A. A. (2018). Keupayaan Guru dalam Melaksanakan Bahan Bantu Mengajar di Sekolah Menengah. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 8(1), 45–56. <https://jtpmm.edu.my/index.php/jtpmm/article/view/2018>
- Sameri, M. (2018). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran oleh Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 6(1), 23-35.
- Sulaiman, S. (2020). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Digital dalam Meningkatkan Kualiti Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 12(2), 77-88.
- Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran: Teaching of Arabic in Malaysia: Problems and Challenges. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47–57. Retrieved from <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/4>

Disclaimer/Publisher's Note: The statements, opinions and data contained in all publications are solely those of the individual author(s) and contributor(s) and not of RISE and/or the editor(s). RISE and/or the editor(s) disclaim responsibility for any injury to people or property resulting from any ideas, methods, instructions or products referred to in the content.